

Kenduri luar kemampuan gugat perkahwinan

LAPORAN KHAS



TREND mengadakan kenduri perkahwinan di luar kemampuan menjadi punca kemusnahan rumah tangga.

Kajian Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) menunjukkan 37 peratus daripada 549 individu yang baharu dua tahun berkahwin menghadapi konflik kerana masalah kewangan.

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) pula menyifatkan, pasangan

suami isteri yang terbeban dengan hutang akibat majlis perkahwinan hanya akan melahirkan generasi ‘anak bank’.

Istilah itu diberikan kepada anak-anak yang lahir dalam tempoh ibu bapa mereka berhutang dengan bank dan jumlahnya semakin meningkat dari semasa ke semasa.

**LAPORAN PENUH
DI MUKA 12**

Masalah kewangan jadi punca utama konflik perkahwinan

Kenduri besar bawa padah

Oleh KAMIL MASLIH

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 7 DIS.

MAJLIS perkahwinan di luar kemampuan kewangan su dah menjadi sinonim dengan masyarakat di negara ini b apun terpaksa berhutang berbelas dan berpuluhan ribu ringgit.

Masalah kewangan yang dihadapi pasangan ‘berhutang’ ini ke mudianya melarat walaupun sehingga anak sudah bersekolah dan tidak mustahil mewujudkan keadaan konflik yang berakhir dengan perceraian.

Cukup mengejutkan, kajian oleh Pusat Kecemerlangan Keluarga, Remaja dan Kanak-Kanak (FACE) Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) terhadap 549 individu yang baharu dua tahun berkahwin mendapati 37 peratus daripadanya sudah meluahkan rasa tidak berpuas hati dengan perkahwinan mereka.

Bagai sudah dapat dijangka, masalah kewangan menjadi punca utama kepada konflik perkahwinan mereka dan masalah itu jauh meruncing berbanding isu-isu lain termasuk sikap pasangan, pengurusan konflik, cara pasangan membuat keputusan dan masalah komunikasi.

LAPORAN KHAS



Ketua FACE, Prof. Madya Dr. Rumaya Juhari berkata, beliau tidak menolak antara punca masalah kewangan yang menimpakan pasangan muda itu adalah akibat beban hutang berikutkan majlis perkahwinan di luar kemampuan.

Jelas beliau, ramai pasangan suami isteri pada masa kini gagal membuat perancangan kewangan untuk jangka masa panjang dan mengambil mudah terhadap trend meminjam wang untuk berkahwin walaupun kosnya mencecah antara RM25,000 hingga RM35,000.

“Bagi mereka berkemampuan atau memang dari keluarga kaya, saya tidak berapa kisah tetapi saya bimbangkan terhadap pasangan yang terpaksa berhutang berbelas atau berpuluhan ribu ringgit dengan bank hanya semata-mata untuk majlis yang berlangsung sehari atau dua hari sahaja.

“Dalam agama Islam pun sudah diterangkan apa yang wajib dilakukan, tidak perlulah kita berbelanja keterlaluan dan melakukan pembaziran seolah-olah perkahwinan seorang bintang filem, sedangkan artis-artis pun kahwin meriah sebab

dapat tajaan,” katanya.

Jelas beliau, apa yang cukup dibimbangkan adalah kajian itu juga mendapati hanya 16 peratus daripada responden terbabit sudah mempunyai anak, ini bermakna beban kewangan sudah pun meruncing sebelum individu berkenaan mempunyai jumlah tanggungan lebih besar.

“Tempoh dua tahun pertama perkahwinan sepatutnya menjadi tempoh berbulan madu, yakni tempoh bahagia tetapi masalah berpuncakan kesilapan menguruskan kewangan ini boleh merosakkan hubungan dan menjadi ‘api dalam sekam’ sehingga mengakibatkan perkahwinan dibubarkan,” katanya.

Katanya, masalah belanja perkahwinan di luar kemampuan tidak boleh ditujukan kepada pasangan suami isteri sahaja tetapi juga didorong oleh keluarga kedua-dua pihak sehingga konsep majlis perkahwinan yang mulia, berubah menjadi peluang untuk bermegah-megah.

Tegas beliau, trend masalah kewangan yang menghimpit pasangan suami isteri bukan masalah baru, namun keadaan diburukkan dengan kos hidup masa kini yang bertambah tinggi terutamanya kepada mereka bekerja di bandar dengan pendapatan paras sederhana dan rendah.



Tempoh dua tahun pertama perkahwinan sepatutnya menjadi tempoh berbulan madu, yakni tempoh bahagia tetapi masalah berpuncakan kesilapan menguruskan kewangan ini boleh merosakkan hubungan dan menjadi ‘api dalam sekam.’

RUMAYA JUHARI

Ketua Pusat Kecemerlangan Keluarga, Remaja dan Kanak-Kanak



MAJLIS perkahwinan idaman memerlukan bajet yang realistik agar belanja tidak berlebihan. - GAMBAR HIASAN